

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RDK 253 Pengurusan Muzium
NPM 051 Pengurusan Muzium

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. TIGA daripada Bahagian A dan DUA daripada Bahagian B.

Bahagian A (Pilih TIGA soalan)

1. Anda dipinta merancang suatu projek pameran hasil-hasil karya "The Bauhaus" yang dianjurkan bersama dengan Kedutaan Jerman. Pameran ini akan memerlukan 50% daripada ruang muzium anda, dan terbuka kepada orang ramai selama 2 bulan selepas suatu upacara perasmian oleh Y.B. Menteri Kebudayaan Dan Pelancongan. Sediakan:

- (i) Iktisar projek (project brief)
- (ii) Jadual pernyataan kaedah dan analisis aktiviti
- (iii) Satu carta "Bar"

Nyatakan andaian-andaian anda.

(20 markah)

2. (a) Perancangan merupakan salah satu prinsip penting dalam proses pengurusan. Huraikan tahap-tahap perancangan yang boleh menolong anda mengurus muzium anda dengan lebih sistematis dan efektif.
- (b) Bagaimanakah anda dapat meningkatkan imej awam (public image) muzium anda?

(20 markah)

... 2/-

3. (a) Muzium sebagai suatu institusi pendidikan ramai yang berpengaruh sewajarnyalah mempunyai organisasi yang praktik agar "mission", objektif dan golnya ke arah wawasan ini tercapai. Bincangkan.
- (b) Di dalam konteks yang sama, komunikasi adalah sangat penting. Komunikasi juga merupakan satu faktor kejayaan yang kritikal dalam pengurusan muzium sehari-hari.
- (i) Takrifkan komunikasi
- (ii) Bincangkan pelbagai abar kepada komunikasi yang berkesan

(20 markah)

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan rangsangan (motivation)? Huraikan teori-teori pengurusan moden tentang cara merangsangkan para pekerja.
- (b) Bagaimanakah dapat anda merangsangkan pekerja-pekerja anda agar prestasi mereka lebih baik semasa anda ditugaskan mengetuai suatu ekspedisi penelitian satu kawasan bersejarah di Banjaran Titiwangsa?

(20 markah)

Bahagian B (Pilih DUA soalan)

5. UNESCO menggariskan empat fungsi utama sesebuah muzium iaitu mengumpul, memulih, menyelidik dan menyebarkan ilmu pengetahuan. Dengan menggunakan rangka konsep (conceptual framework), sediakan satu model atau sistem pengurusan sesuatu muzium dengan mengenalpasti input-input, proses-proses dan matlamat atau objektifnya.
- (20 markah)
6. Perlembagaan Malaysia telah memberi kuasa kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri menggubal enakmen penubuhan sesuatu muzium negeri. Apakah pendapat anda tentang perkara ini dalam konteks pengurusan muzium di Malaysia secara menyeluruh.
- (20 markah)

7. Anda telah diminta untuk mengetuai satu ekspedisi mengumpul bahan koleksi suku kaum Negrito di suatu kawasan pendalaman di Ulu Kelantan. Nyatakan persediaan yang perlu dilakukan selain dari menyediakan bahan-bahan keperluan asas dan penyelidikan.

(20 markah)

- 00000000 -